

Headline	Wartakan kawasan hutan batu kapur		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	3	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	772 cm ²
Journalist	NOOR AINON MOHAMED	AdValue	RM 16,366
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,099



Keadaan Gunung Lanno yang hampir gondol ditarah oleh aktiviti pengkuarian.

Wartakan kawasan hutan batu kapur



MEOR RAZAK

SAM dedahkan wujudnya spesies kritikal terancam di kawasan batu kapur di Perak

Oleh NOOR AINON MOHAMED

IPOH

Sahabat Alam Malaysia (SAM) mencadangkan kawasan hutan batu kapur diwartakan sebagai hutan simpan kekal atau kawasan perlindungan.

Pegawai Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, Jabatan Perhutanan Negeri perlu menubuhkan sekurang-kurangnya satu petak contoh hutan batu kapur yang mempunyai status hutan simpan kekal atau lain-lain kawasan perlindungan supaya mempunyai jaminan *security of tenure*.

“Terdapat spesies kritikal terancam di bawah International Union for Conservation of Nature (IUCN) iaitu pokok *Hopea bilitonensis* di Gunung Gajah dan Gua Tempurung, Gopeng. Populasi flora itu hanya tumbuh di situ sahaja di Malaysia.

“Gua Khantan, Chemor pula terdapat habitat labah-labah iaitu *Liphistius khantan* yang ditempatkan dalam senarai merah apabila spesies itu tidak terdapat di mana-mana tempat di dunia,” katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Menurutnya, kedua-dua spesies itu bagaimanapun tidak terlepas berhadapan dengan ancaman kepupusan apabila populasi flora dan fauna itu berada di kawasan kuari.

Lembah Kinta berkeluasan 1,952 kilometer persegi dimasyhurkan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada Oktober 2018 sebagai Tapak Geologi Geopark Kebangsaan.

Dilaporkan sejumlah 18 tapak geo disenaraikan antaranya Gunung Lang, Gua Tambun, Gua Naga Mas, Gua Tempurung, Gunung Korbu, Hutan Lipur Ulu Kinta dan Air Ter-

jun Sungai Salu.

Tegasnya, pemasyhuran itu tidak cukup untuk menjamin pemeliharaan hutan batu kapur selagi status tanah di kawasan berkenaan tidak ditukar kepada hutan perlindungan.

“Selagi tidak ditukar, bila-bila masa pihak kerajaan negeri boleh mengeksploitasi sumber yang ada.

“Pembinaan Stesen Penyelidikan Batu kapur di Gua Tempurung yang diilhamkan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menunjukkan potensi sebenar batu kapur di kawasan itu tetapi apabila tidak dipelihara atau dilindungi, matlamat itu seolah-olah tidak selari,” katanya.

Katanya, penemuan fosil gajah purba dari gua kars (batu kapur dan dolomit) oleh sekumpulan saintis pada Oktober 2020 dan spesies terancam itu menjadi asbab kukuh untuk kerajaan negeri memelihara hutan batu kapur Lembah Kinta.

“Sudah tiba masanya kerajaan negeri menolak permohonan daripada pengusaha kuari yang ingin menjarah kawasan hutan batu kapur,” katanya.

Headline	Wartakan kawasan hutan batu kapur		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	3	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	772 cm ²
Journalist	NOOR AINON MOHAMED	AdValue	RM 16,366
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,099



REAKSI



Gunung Lanno mempunyai gua-gua kaya dengan sejarah. Apabila kawasan berhampiran mula dijadikan lokasi perumahan, sewajarnya aktiviti kilang kuari boleh diperlahankan. Kerajaan negeri wajar ambil langkah untuk pulihara kawasan tersebut.”
- **Aktivis alam sekitar, Mohd Faizal Kadir**



Gunung Lanno mempunyai potensi besar dari sudut pelancongan. Gua Kintaly antara dikesan paling cantik namun pintu masuk berhampiran dengan kawasan kilang. Difahamkan lima gua sudah lenyap akibat aktiviti kuari.”
- **Penggiat rekreasi, Uzair Shuhairi**



Gunung cantik tapi sudah menjadi milik syarikat kuari. Nampaknya kita susah nak selamatkannya lagi. Itu berpunca daripada kesilapan pihak pentadbiran terdahulu. Kerajaan negeri perlu bersungguh-sungguh dalam menyelamatkan kawasan alam sekitar.”
- **Pengerusi Kuasa, Mohd Hafizudin Nasarudin**



Sudah terjejas baru ramai pihak yang buka mata. Menjadi agenda aktivis mahu melindungi kawasan sensitif terutama yang ada kepentingan awam. Gunung Lanno berpotensi sebagai lokasi rekreasi berbentuk eko pendidikan kerana mempunyai nilai-nilai sejarah.” - **Timbalan Kuasa, Ismady Radzuan**



Sudah sampai masanya kerajaan bantu memelihara dan memulihara hutan batu kapur di Lembah Kinta ini. Banyak potensi yang boleh diteroka sama ada untuk kebaikan pendidikan dan pelancongan.” - **Penduduk, Mohd Khairol Nizam Shuhaimi**



Gua Tempurung dan Gunung Datuk di Tambun sememangnya tersimpan khazanah alam yang banyak. Kerajaan negeri perlu segera bertindak atau hentikan beri kelulusan aktiviti kuari di kawasan tersebut.” - **Pekerja swasta, Asliza Musa**

Headline	Wartakan kawasan hutan batu kapur		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	3	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	772 cm ²
Journalist	NOOR AINON MOHAMED	AdValue	RM 16,366
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,099

FOTO: FLYBBSA

MENGENAI GUNUNG LANNO, PERAK

- Empat sudut *rock shelter* mempunyai lukisan gua berwarna merah.
- Gua bersejarah hasil perlombongan bijih timah.
- Fosil haiwan kuno.
- Potensi sebagai agro pelancongan.
- Gua Puncak dikenal pasti sebagai *Second Largest Cave Chamber* di Semenanjung Malaysia.
- Formasi batuan kristal ditemui dalam salah sebuah gua di Gunung Lanno.



Kawasan air di dalam gua Gunung Lanno boleh dijadikan lokasi aktiviti lasak.



Formasi batu kristal yang ditemukan dalam salah sebuah gua di Gunung Lanno.